



KENYATAAN MEDIA

CADANGAN PELAN INDUK PROJEK TEBUS GUNA TANAH SELATAN PULAU PINANG (PENANG SOUTH RECLAMATION).

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-31 (Bit. 1/2019) yang bersidang semalam (18 April 2019) telah mendengar dan seterusnya mempertimbangkan Cadangan Pelan Induk Penang South Reclamation (PSR) tersebut selaras dengan peruntukan perenggan 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].

2. Majlis tidak membuat sebarang kelulusan atau persetujuan ke atas projek tersebut tetapi telah menasihati Kerajaan Negeri melalui 18 nasihat yang telah digariskan, beserta dengan ulasan dan nasihat-nasihat tambahan daripada:

- a. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS);
- b. Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB);
- c. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA);
- d. Kementerian Pengangkutan (MOT);
- e. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA); dan
- f. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

3. Kerajaan Negeri juga dinasihatkan untuk terus mengadakan perundingan bersama masyarakat setempat dan rakyat yang akan terkesan daripada pembangunan ini dan memastikan keperluan-keperluan mereka diberi perhatian sewajarnya.

4. Suka juga diingatkan bahawa permohonan ini perlu mendapatkan kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) daripada agensi yang berkenaan.

5. Memandangkan permohonan yang dikemukakan ini berbentuk pelan induk, ianya perlu dikemukakan semula untuk mendapatkan nasihat Majlis di bawah subseksyen 22(2A), Akta 172.

Khalid Abd Samad
Menteri Wilayah Persekutuan.

NOTA:

PlanMalaysia adalah sekretariat kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara dan terletak di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan